

Ujian rakyat Malaysia buktikan tahap ketamadunan



Bersama
**Dr Muhammad
Heikal Ismail**



Pakar alam
sekitar
berpandangan
ketiadaan
hukuman yang
benar-benar
memberi kesan
jera menjadi
punca utama
kegagalan
mengawal
masalah ini

elepas bertahun-tahun berdepan sikap sambil lewa masyarakat terhadap kebersihan awam, kerajaan akhirnya mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan denda sehingga RM2,000 ke atas individu yang membuang sampah merata-rata berkuat kuasa mulai 1 Januari lalu.

Pendekatan lebih tegas oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini dilihat sebagai usaha serius untuk mengekang masalah sisa pepejal yang semakin membebankan negara, bukan sahaja kos pengurusan, malah kesan terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan imej Malaysia di mata dunia.

Masalah pembuangan sampah merata-rata bukan isu baharu, ia terus berlarutan seolah-olah sudah menjadi budaya. Walaupun papan tanda larangan, kempen kesedaran dan program gotong-royong dilaksanakan saban tahun, tahap pematuhan masih rendah terutama di kawasan bandar dan lokasi tumpuan awam.

Puluhan ribu tan sampah setiap hari

Malaysia kini menghasilkan lebih 38,000 tan sisa pepejal sehari, bersamaan lebih 14 juta tan setahun. Sebahagian besarnya sisa harian berskala kecil seperti pembungkus makanan, botol plastik, bekas minuman dan puntung rokok - sampah yang sering dibuang sesuka hati di jalanan, longkang serta kawasan awam.

Sisa kecil inilah yang memberi kesan besar. Lebih 60 peratus kes longkang tersumbat di kawasan bandar dikenal pasti berpunca daripada sisa pepejal, sekali gus menyumbang kejadian banjir kilat. Setiap kali hujan lebat, jutaan ringgit wang awam dibelanjakan untuk kerja pembersihan kecemasan dan pembaikan sistem saliran.

Pembuangan sampah domestik secara tidak terkawal turut menyumbang pencemaran sungai. Sungai yang tercemar meningkatkan kos rawatan air, menjejaskan ekosistem akuatik

dan berpotensi mengganggu bekalan air bersih.

Kempen tidak lagi mencukupi

Selama ini, pendekatan kerajaan banyak tertumpu kepada pendidikan dan kesedaran. Namun, kempen semata-mata tidak lagi mencukupi untuk mengubah sikap segelintir masyarakat yang masih kecil tidak membawa akibat besar. Pakar alam sekitar berpandangan ketiadaan hukuman yang benar-benar memberi kesan jera menjadi punca utama kegagalan mengawal masalah ini. Tanpa rasa takut kepada undang-undang, sikap 'buat dulu, minta maaf kemudian' terus berakar umbi.

Dalam konteks ini, denda RM2,000 isyarat jelas kerajaan tidak lagi bertolak ansur dengan sikap tidak bertamadun.

Hukuman memalukan sebagai pengajaran

Selain denda, mahkamah juga boleh mengenakan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) sehingga 12 jam, mewajibkan pesalah membersihkan kawasan awam. Pendekatan ini dilihat lebih berkesan kerana pesalah bukan sahaja dihukum, malah 'dipamerkan' sebagai pengajaran kepada masyarakat.

Membersihkan longkang, mengutip sampah atau menyapu jalan awam memberi peluang kepada pesalah untuk melihat sendiri kesan perbuatan mereka. Ia juga berfungsi sebagai bentuk pendidikan sosial yang semakin hilang dalam kehidupan moden.

Imej negara jadi taruhan

Isu kebersihan awam bukan sekadar isu tempatan, tetapi turut mencalar imej negara di peringkat antarabangsa. Aduan pelancong mengenai kebersihan kawasan bandar, taman awam dan pantai sering muncul dalam laporan pelancongan.

Sedangkan sektor pelancongan menyumbang berbilion ringgit kepada ekonomi negara, sikap segelintir individu yang membuang sampah merata mampu memberi kesan besar kepada pengalaman pelawat.

Tiada siapa terkecuali

Penguatkuasaan denda ini akan dilaksanakan pihak berkuasa tempatan mengikut bidang kuasa masing-masing. Hukuman hanya boleh dikenakan selepas proses undang-undang dan sabitan mahkamah, bagi memastikan keadilan kepada semua pihak.

Undang-undang ini terpakai kepada semua tanpa mengira

status sosial, pendapatan atau kewarganegaraan. Pelancong asing juga tidak terkecuali jika didapati melakukan kesalahan di kawasan awam.

Bagi kesalahan berulang atau lebih serius, peruntukan undang-undang sedia ada membenarkan denda sehingga RM10,000, satu jumlah jelas bertujuan memberi kesan jera.

Ujian sebenar kesedaran sivik

Pelaksanaan denda RM2,000 ini menjadi ujian sebenar tahap kesedaran sivik rakyat Malaysia. Sama ada ia berjaya atau tidak bergantung bukan sahaja kepada ketegasan penguatkuasaan, tetapi kesediaan masyarakat untuk berubah.

Jika langkah ini masih gagal membendung sikap membuang sampah merata, persoalan yang lebih besar perlu ditanya, adakah masalah sebenar bukan terletak pada undang-undang, tetapi pada sikap kita sendiri?

Kerajaan sudah bertindak. Kini giliran masyarakat membuktikan tahap ketamadunan mereka.

**Penulis Pensyarah Kanan
Fakulti Perhutanan & Alam
Sekitar. Felo Pusat Strategi
dan Perhubungan Korporat
(PSPK), Universiti Putra
Malaysia (UPM)**